

NGO puas hati isu NFC

Penjelasan isu pembelian tanah, kondominium dan rumah

Oleh Haspaizi Mohd Zain

haspaizi@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Semua 12 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), yang menghadiri sesi taklimat National Feedlot Cooperation Sdn Bhd (NFC), di sini, semalam berpuas hati dengan penjelasan syarikat itu berhubung dakwaan penyelewengian wang kerajaan terutama membabitkan isu pembelian tanah, kondominium dan rumah.

Sesi penjelasan berlangsung selama dua jam oleh Pengerusi Eksekutif NFC, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail itu turut menjawab segala persoalan dibangkitkan NGO, termasuk peruntukan yang diterima oleh NFC bagi menjalankan operasinya.

NGO terbabit turut didekakkan dengan tindakan bekas pegawai yang pernah bekerja dengan NFC,

menjual maklumat kepada pihak tertentu bermotifkan politik bagi memburukkan nama baik NFC serta kerajaan.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa (PERKASA), Datuk Ibrahim Ali, berkata pihaknya mengadakan pertemuan dengan NFC bagi mendapat maklumat yang jelas daripada pihak pengurusan sendiri dan bukannya orang ketiga.

"Secara keseluruhannya, kami amat berpuas hati dengan penjelasan diberikan. Ia membuktikan ada pihak cuba memainkan isu ini demi meraih kepentingan politik dan kita meminta Jabatan Audit Negara menilai dengan seadilnya penjelasan diberikan pihak NFC."

"NFC menjelaskan kepada kami tujuan pembelian tanah dan kondominium serta manafikan pembelian kereta mewah jenama Ferrari, yang didakwa setengah pihak

"Syarikat itu juga menafikan menanggung perbelanjaan Wan Shahinur Izmir Mohamad Salleh ke luar negara untuk bercuti.

"Sebaliknya, ia adalah bagi tujuan perniagaan. Oleh itu, saya mencabar Wan Shahinur Izmir supaya membuat laporan polis bahawa tuduhan dilemparkan terhadapnya adalah palsu dan fitnah," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Selain PERKASA, 11 NGO lain yang turut serta dalam sesi taklimat berkenaan ialah Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Majlis Usahawan Malaysia dan Persatuan Pemikir Profesional Malaysia.

Ibrahim berkata, berhubung peruntukan yang diterima NFC, pihaknya difahamkan syarikat itu hanya menerima RM90 juta dan sehingga kini sudah membelanjakan sebanyak RM6.3 juta.



NFC menjelaskan kepada kami tujuan pembelian tanah dan kondominium serta manafikan pembelian kereta mewah jenama Ferrari, yang didakwa setengah pihak



Ibrahim Ali
Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa